

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 MAC 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Angkasawan wants woman in space next	The Star
2.	Saya teruja lihat aksi aerobatik	Harian Metro
3.	Sharp sasar jualan 10,000 unit Sistem Keselamatan Rumah bernilai RM20 Juta akhir tahun ini	BERNAMA
4.	Kaji semula pinjaman rumah	Utusan Malaysia



Space tales: Dr Sheikh Muszaphar sharing his experience onboard the International Space Station (ISS). — ZAINUDIN AHAD / The Star

Angkasawan wants woman in space next

LANGKAWI: National astronaut Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor said it should be a woman who next makes the foray into space.

"It would be something different and I wish that one day, the Government could send a woman to space.

"I believe that this will greatly inspire young people and show women are as capable as men," he said during a *teh tarik* sharing session at the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition.

An orthopaedic surgeon by training, Dr Sheikh Muszaphar said there were various "schools of thought" over the preferred gender for an astronaut.

"The Russians do not believe in send-

ing women to space, claiming that they are too emotional to make a decision. But the Americans find that women are highly capable and able to perform multi tasks at one time," he said, adding that out of 520 people who had gone to space, only 50 were women.

Showing video clips of his adventure and training, he said an astronaut was required to be neither too tall nor too fat due to the limited room in the space craft.

"It's okay if we don't shower in space as we don't smell because there is no bacteria," he said, adding that he would "do anything" just to be in space again.

"The sight of Earth is fascinating

beyond words," he said, who was greeted with a warm reception from the crowds.

Dr Sheikh Muszaphar travelled to space on Oct 11, 2007, from Kazakhstan onboard the Soyuz TMA-11. He returned after 11 days in space.

The session was organised by the Science, Technology and Innovation Ministry with Yayasan Angkasa Malaysia.

Another session will be held today at MOSTi's booth at C960 at 10am.



See Page 12

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46
TARIKH: 20 MAC 2015 (JUMAAT)

Langkawi: "Saya sangat teruja melihat aksi aerobatik yang cukup mendebarakan dilakukan oleh juruterbang yang membuat persembahan udara sempena LIMA kali ini," kata Pengasas produk Vida Beauty, Datuk Seri Dr Hasmiza Othman atau lebih dikenali dengan Datuk Vida.

Beliau yang pertama kali hadir menyaksikan LIMA '15 berkata, sebelum ini beliau hanya mendengar kehebatan acara dwitahunan ini namun tidak berpeluang menyaksikan sendiri meskipun LIMA sudah dianjurkan sejak 1991.

Katanya, idea bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengada-

'Saya teruja lihat aksi aerobatik'

kan LIMA ini cukup hebat kerana berjaya menghimunkan banyak syarikat tempatan dan antarabangsa dalam sektor maritim serta aeroangkasa di negara ini.

"Saya berharap dapat mengunjungi semula LIMA pada masa akan datang kerana ia antara acara bertaraf dunia di Malaysia," katanya yang datang menaiki jet peribadi ke Langkawi, semalam.

Sementara itu, angkasan negara, Datuk Dr She-

ikh Muszaphar Shukor turut meluangkan masa melawat pusat media antarabangsa LIMA '15 selepas mengadakan syarahan ringkas mengenai pengalamannya sebagai angkasawan di gerai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau yang tidak pernah ketinggalan hadir di LIMA berkata, kesempatan berkunjung ke LIMA '15 dapat bertemu dengan rakan lama selain berkongsi pengalaman sebagai angkasawan kepada pengunjung.



Sharp Sasar Jualan 10,000 Unit Sistem Keselamatan Rumah Bernilai RM20 Juta Akhir Tahun Ini

MELAKA, 19 Mac (Bernama) -- Sharp-Roxy Sales and Service Company (M) Sdn Bhd (SRSSC) menyasarkan jualan sehingga 10,000 unit Sharp Cloud SmartHome System (SCSS) bernilai RM20 juta menjelang akhir tahun ini.

Pengurus Pemasarannya Linda Lim berkata produk inovatif bercirikan keselamatan yang pertama keluaran syarikat itu turut dijangka menyumbang enam peratus kepada jumlah keseluruhan jualan syarikat selepas dilancarkan untuk pasaran Malaysia pada November lepas.

Katanya produk yang mendapat pengiktirafan [SIRIM](#) itu dijangka menembusi pasaran Filipina dan Indonesia dalam tempoh terdekat.

"Kita yakin sasaran dapat dicapai berdasarkan permintaan tinggi terhadap produk sistem keselamatan rumah terutama membabitkan kamera litar tertutup di negara ini," katanya kepada pemberita pada Home Decor Fair hari ini.

Pameran itu berlangsung selama empat hari bermula hari ini di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka di sini.

Beliau berkata SRSSC menyasarkan pasaran dalam kalangan pemilik kediaman dan rumah kedai yang mementingkan aspek keselamatan di premis masing-masing.

"Walaupun segmen produk elektrik pengguna masih menjadi penyumbang utama kepada syarikat iaitu sebanyak 70 peratus, namun SCSS mampu meningkatkan nilai jualannya secara berperingkat pada setiap tahun," katanya.

Linda berkata antara faktor yang dijangka menyumbang kepada penjualan SCSS ialah pemilikan yang tinggi terhadap telefon pintar dalam kalangan rakyat, kadar penembusan internet di negara ini yang melebihi 70 peratus dan kesediaan pengguna terhadap produk keselamatan.

"Isyarat atau amaran tentang apa yang berlaku di rumah seperti dimasuki pencuri akan dapat diterima secara terus melalui telefon bimbit selain menyaksikan situasi tersebut secara terus dan merekodkannya.

"Rakaman akan disimpan di dalam pemacu simpanan mudah alih (USB Pen Drive) dan secara tidak langsung dapat mengelak rakaman daripada diakses penggodam," katanya.

Beliau berkata produk tersebut turut dilengkapi fungsi butang panik yang boleh mengaktifkan penggera untuk memberi amaran atau mesej kepada pengakses sistem berkenaan selain kamera IP HD yang memaparkan imej jelas dan berkualiti serta membenarkan komunikasi dua hala.

-- BERNAMA

Kaji semula pinjaman rumah

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 MAC

PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) meminta supaya Bank Negara Malaysia (BNM) mengkaji semula dasar pinjaman terutama segmen hartanah kepada pembeli rumah kali pertama melibatkan pembiayaan sehingga RM500,000.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar FD Mansor berkata, perkara itu penting kerana hartanah merupakan sektor komoditi yang akan meningkatkan nilai dalam tempoh beberapa tahun akan datang berbanding pembelian kenderaan yang nilainya semakin menyusut.

"Bagaimanapun, kita faham tentang kebimbangan BNM terhadap hutang isi rumah tetapi pada masa sama BNM juga perlu semak semula segmen yang berkaitan kerana nilai hartanah semakin meningkat. Misalnya, hartanah yang dibeli 10 tahun lalu bernilai RM200,000 dan sekarang mungkin sudah meningkat RM400,000.

"Untuk itu, BNM perlu kaji semula dasar ini terutama untuk orang Malaysia, pembeli rumah pertama dan rumah mampu milik berharga RM500,000 ke bawah," katanya dalam sidang akhbar Tinjauan Industri Hartanah Bagi Separuh Kedua 2014 di sini hari ini.

Yang turut hadir, bekas Presiden REHDA dan Pengarah GreenRE Sdn. Bhd.



Untuk itu, BNM perlu kaji semula dasar ini terutama untuk orang Malaysia, pembeli rumah pertama dan rumah mampu milik berharga RM500,000 ke bawah."

FD ISKANDAR FD MANSOR
Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia

(GreenRE), Datuk Ng Seing Liong.

Tinjauan itu melibatkan lebih 1,000 ahli REHDA dari 12 buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Laporan tersebut mendapati secara purata sebanyak 23 peratus pinjaman tidak diluluskan pada 2014 berbanding 16 peratus pada tahun sebelumnya.

REHDA mengenal pasti lima faktor utama yang menjadi keangan bagi pinjaman jangka panjang iaitu ketidakupayaan pendapatan pembeli, margin kewangan yang rendah, mempunyai sejarah kredit, bank meminta banyak dokumen dan kuota yang terhad bagi rumah mampu milik.

Sebanyak 24 peratus pinjaman tidak diluluskan melibatkan hartanah bernilai RM250,001 hingga RM500,000 manakala 22 peratus untuk pembiayaan berjumlah RM500,001 hingga RM700,000.

Menurut FD Iskandar, banyak hartanah dilancarkan di Johor, Selangor dan Pulau Pinang tetapi pada masa sama mencatatkan pinjaman tidak diluluskan yang paling tinggi.

Dalam perkembangan lain, REHDA menjalin kerjasama dengan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS International) dan GreenRE bagi menggalakkan lebih banyak bangunan hijau dibangunkan ke arah kelestarian alam sekitar.